

NO. SOALAN : 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 12 MARCH 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah sasaran penjanaan dan penggunaan tenaga (MW) daripada tenaga berasaskan batu arang, gas, air, suria, angin, biojisim, biogas dan kadar kecekapan tenaga dari 2015-2030.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perancangan tenaga elektrik bagi Semenanjung dan Sabah dibuat mengikut Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik (JPPPET) yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Semua hal berkaitan dengan bekalan elektrik di seluruh negara adalah tertakluk di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Seksyen 1 (2) Akta Bekalan Elektrik, Menteri telah membuat perintah yang dinamakan Perintah Penggantungan Kuatkuasa Akta (Sarawak) 1990 pada 30hb. Ogos 1990, di mana negeri Sarawak telah dikecualikan daripada penguatkuasaan keseluruhan Akta Bekalan Elektrik 1990 berkenaan. Justeru, semua aspek berkaitan dengan bekalan elektrik di negeri Sarawak, termasuk perancangan jangka panjang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.
2. Mesyuarat JPPPET Bil.2/2014 pada 12 November 2014 telah meluluskan unjuran penjanaan tenaga elektrik dari tahun 2015 hingga 2030 bagi Semenanjung seperti berikut:

**Jadual 1: Unjuran Penjanaan Tenaga Mengikut Jenis Bahan Api di  
Semenanjung**

Tahun	Penjanaan Tenaga (MW)							JUMLAH
	Gas	Arangbatu	Hidro	Solar	Angin	Biojisim	Biogas	
2015	10,508	8,066	2,335	32	-	52	5	20,998
2016	10,453	9,066	2,536	108	-	52	12	22,227
2017	9,824	10,066	2,536	195	-	128	31	22,780
2018	10,924	11,066	2,548	261	-	151	40	24,990
2019	10,719	12,066	2,548	306	-	163	49	25,851
2020	10,397	12,066	2,704	334	-	184	58	25,743
2021	12,797	12,066	2,704	334	-	207	67	28,175
2022	11,882	12,066	2,836	334	-	228	76	27,422
2023	11,662	12,066	2,836	334	-	246	85	27,229
2024	10,352	12,066	3,136	334	-	258	94	26,240
2025	10,101	12,066	3,136	334	-	270	103	26,010
2026	9,426	12,066	3,136					24,628 *
2027	8,123	12,066	3,136					23,325 *
2028	8,920	12,066	3,136					24,122 *
2029	8,596	11,580	3,136					23,312 *
2030	8,888	11,510	3,136					23,534 *
<b>JUMLAH</b>	<b>129,045</b>	<b>182,014</b>	<b>45,535</b>	<b>2,906</b>	<b>-</b>	<b>1,939</b>	<b>620</b>	

\* Jumlah penjanaan tenaga daripada gas, arang batu dan hidro sahaja

3. Secara keseluruhan, pihak Kementerian mensasarkan penjanaan tenaga elektrik daripada bahan api gas akan menunjukkan trend menurun manakala arang batu akan menunjukkan trend meningkat.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha mengalakkan amalan kecekapan tenaga sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan.

Kementerian bersama-sama dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif kecekapan tenaga seperti Program *Sustainability Achieved via Energy Efficiency* (SAVE), dengan izin, *Minimum Energy Performance Standards* (MEPS), dengan izin, ke atas kelengkapan elektrik kegunaan awam serta pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga dalam bangunan dan sebagainya.

5. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Yayasan Hijau pada tahun 2014 yang memainkan peranan dalam memupuk kesedaran mengenai kecekapan tenaga di kalangan akar umbi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mensasarkan pengurangan tenaga keseluruhan sebanyak 8% bagi tempoh 2016-2025 melalui program-program kecekapan tenaga di semua Kementerian.

\*\*\*\*\*